



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Pengajian  
Siswazah

# THE DOCTORAL RESEARCH ABSTRACTS

Volume: 13, Issue 13

April 2018

# 13<sup>th</sup> ISSUE

66



**Name :** MOHD. ALI BIN MUHAMAD DON

**Title :** PENGURUSAN DANA WAKAF UNIVERSITI MENURUT ENAKMEN WAKAF NEGERI SELANGOR

**Supervisor :** PROF. DR. MUHAMAD RAHIMI OSMAN (MS)  
ASSOC. PROF. DR. GHAFARULLAH DIN (CS)

Wakaf merupakan satu daripada instrumen terpenting yang menjadi pemangkin perkembangan Institusi Pendidikan Islam sejak dahulu lagi. Ini terbukti dengan penggunaan dana wakaf untuk pembinaan Masjid Quba' yang turut berperanan sebagai institusi pendidikan awal. Ia terus berkembang sehingga tertubuhnya universiti wakaf terulung iaitu Universiti al-Azhar di Mesir. Sejak itu konsep pembiayaan pendidikan berasaskan wakaf turut dicontohi di lain-lain universiti di dunia Islam mahupun di Barat. Mutakhir ini, Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia turut mengamalkan konsep pembiayaan pendidikan berasaskan wakaf. Ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan bajet yang diterima oleh pihak universiti dan wakaf dilihat mempunyai prospek yang baik bagi penambahan dana. Namun begitu pengurusan wakaf di Malaysia adalah terikat dengan peruntukan enakmen Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), di mana MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (sole trustee) sehingga tiada pihak dibenarkan menguruskan wakaf tanpa kebenaran MAIN. Akibatnya terdapat universiti mengguna pakai istilah endowment bagi mengelak terikat dengan enakmen. Justeru kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengurusan dana wakaf di beberapa buah universiti di Negeri Selangor. Seterusnya kajian membuat

analisa terhadap isu-isu yang berbangkit dari aspek pengurusan dan perundangan wakaf universiti. Akhirnya kajian mencadangkan model pengurusan wakaf universiti yang mematuhi kerangka perundangan wakaf di Negeri Selangor. Bagi mencapai objektif tersebut kajian memilih reka bentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen untuk membentuk landasan teoretikal dan temu bual separa struktur untuk mendapatkan data berkaitan pengurusan dan perundangan wakaf di universiti. Data-data temu bual dianalisis menggunakan Computer-Assisted Qualitative Data Analysis Software (CAQDAS), iaitu perisian Atlas.ti versi 7.5.10. Hasil kajian mendapati UIAM, UKM dan UPM telah berjaya memperkenalkan skim wakaf untuk pendidikan tinggi sama ada melalui kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mahupun menguruskan wakaf secara berkecuali. Kajian juga telah menemui beberapa permasalahan yang telah merencatkan perkembangan wakaf di universiti. Sebagai langkah mengatasinya, kajian telah mengemukakan teori al-wilayah untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.